

26/02/2002

Langkah bendung perkara buruk bolehkan ekonomi berkembang

GEORGETOWN, Isnin - Ekonomi Malaysia masih terus berkembang walaupun banyak negara lain, termasuk negara jiran, terjejas teruk selepas peristiwa serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat 11 September lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata, ini adalah hasil langkah awal yang diambil kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membendung kesan lebih buruk dari seluruh dunia, berikutan peristiwa itu.

Katanya, Malaysia mempunyai Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang terus memantau keadaan bagi membantu kerajaan mengambil tindakan awal terhadap sebarang perkembangan kurang baik di luar negara.

Beliau berkata, MTEN sentiasa memantau dan membincangkan perkembangan yang berlaku supaya kejadian buruk tidak menjejaskan ekonomi negara dengan teruk.

"Oleh itu, walaupun ekonomi Malaysia begitu terbuka, ia masih boleh terus meningkat serta pulih peringkat demi peringkat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan biografi Tun Hamdan Sheikh Tahir: His Life and Times as Seen by Himself and Others di Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khalid Ramli dan Naib Canselor USM, Datuk Prof Dzulkifli Abdul Razak.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas imej Malaysia di kalangan negara luar selepas peristiwa 11 September dan langkah kerajaan menahan mereka yang terbabit dalam gerakan berunsur militan di negara ini.

Abdullah berkata, kerajaan juga akan mengambil tindakan awal supaya jika apa yang berlaku di mana-mana negara jiran dan mempunyai hubung kait dengan ekonomi Malaysia, ia tidak memberi kesan buruk kepada negara.

Katanya, walaupun berapa masalah dan kesan yang timbul masih dirasai, Insya-Allah ekonomi Malaysia akan terus meningkatkan pemulihannya.

"Kita harap perkembangan yang berlaku di seluruh dunia yang tidak dapat kita kawal itu, tidak mempengaruhi kita dengan cara yang teruk," katanya.

Mengenai tindakan pihak tertentu yang sentiasa memburukkan Malaysia, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, kerajaan tidak dapat mengawal tafsiran yang hendak dibuat oleh pihak berkenaan mengenai negara ini.

Bagaimanapun, katanya, apa saja yang mereka tulis mengenai negara ini biar betul dan tepat.

"Soal tafsiran mereka itu, soal lain, kita tak boleh mengawal orang buat tafsiran. Yang penting, biarlah fakta mereka betul.

"Jika fakta tidak betul inilah yang membuatkan kita marah dan perlu mengambil tindakan tertentu," katanya.

(END)